



# UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

🌐: www.umt.edu.my

☎: +609-6684217

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI  
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/106-4/8 JILID 6 (17)  
Tarikh : 12 Ogos 2025  
Bersamaan : 18 Safar 1447H

## Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

### PEKELILING BENDAHARI BIL. 15 TAHUN 2025

## KADAR CAJ PERKHIDMATAN VISA PELAJAR DAN PENALTI KELEWATAN PEMBAHARUAN VISA (PELAJAR, STAF DAN TANGGUNGAN) UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar caj perkhidmatan visa pelajar dan penalti kelewatan pembaharuan visa (pelajar, staf dan tanggungan) Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

### 2. LATAR BELAKANG

2.1 Caj perkhidmatan visa pelajar dan penalti kelewatan pembaharuan visa (pelajar, staf dan tanggungan) telah diwujudkan bagi:



- a. Menampung kos pemprosesan visa (pengangkutan, penghantaran & dokumentasi); dan
- b. Penalti- sebagai peringatan kepada pelajar agar tidak melengah-lengahkan penghantaran dokumen untuk proses pembaharuan visa dan pas pelajar.

2.2 Caj perkhidmatan visa pelajar dan penalti kelewatan pembaharuan visa (pelajar, staf dan tanggungan) telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali Ke-44 (Khas) Bil. 3 Tahun 2025 yang bersidang pada 24 Jun 2025: dan
- b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-70 (Bil. 3 Tahun 2025) pada 3 Ogos 2025.

### 3. KADAR CAJ PERKHIDMATAN

Kadar caj perkhidmatan visa pelajar dan penalti kelewatan pembaharuan visa adalah sebagaimana berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Kadar (RM)</b>
Caj Perkhidmatan Visa Pelajar	RM250.00
Caj Perkhidmatan Visa Pelajar Mobiliti	RM150.00
Caj Penalti Kelewatan Pembaharuan Visa Pelajar, Staf dan Tanggungan	RM100.00/ permohonan

***Jadual 1: kadar caj perkhidmatan visa pelajar dan penalti kelewatan pembaharuan visa***

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 3 Ogos 2025.

Sekian, terima kasih.

**"Kebersamaan UMT"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**AZIZAH BINTI HASAN**  
Bendahari  
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Penolong Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Digital)
5. Penolong Naib Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat)
5. Fail